

SOALAN NO: 34

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli
[Dungun]**

TARIKH : 27 November 2017 (Isnin)

**SOALAN : Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli
[Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan
jumlah keseluruhan projek-projek pertanian
di Daerah Dungun dan nyatakan kesesuaian
dan kemampuan infra dan peralatan bagi
menggerakkan projek-projek tersebut.**

JAWAPAN

Yang Di-Pertua, pada tahun 2017 terdapat tujuh (7) projek pertanian berikut dilaksanakan di Daerah Dungun dengan peruntukan RM203,353.00 yang melibatkan seramai 91 orang peserta:

- 1) Projek Bantuan Tanam Semula Buah-buahan Terpilih (limau langkat, limau madu, durian, cempedak, manggis, nangka dan rambutan)
- 2) Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur
- 3) Projek Pembangunan Kluster Tembikai
- 4) Projek Pembangunan Kluster Pisang
- 5) Projek Ladang Organik
- 6) Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan
- 7) Projek Pembangunan Industri Kopi

Diantara infra dan peralatan yang telah diberikan oleh Jabatan dalam memastikan projek-projek ini berjalan lancar adalah input pertanian seperti baja (termasuk baja organik), kapur dan racun, Telaga Tiub, Sistem Pengairan, sistem perparitan, kawat duri, pagar dan peralatan kecil pertanian seperti *knapsack Sprayer* dan *mini tiller*.

Projek dan bantuan untuk industri penternakan yang dilaksanakan di Daerah Dungun, Terengganu lebih menfokus kepada penternak Semi Komersil dan Komersil. Dalam tempoh RMK 10 dan RMK 11, terdapat 17 projek lembu untuk penternak berskala komersial dan 34 projek bagi penternak berskala semi-komersial. Bagi penternakan kambing/ bebiri, sebanyak 3 projek melibatkan penternak berskala komersial dan 7 projek berskala semi-komersial. Setiap penternak atau penerima akan melalui proses penilaian di peringkat lapangan dan juga di peringkat negeri bagi memastikan keperluan minima untuk pemilihan penternak

dipatuhi. Setelah penilaian di peringkat lapangan (verifikasi ladang) memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, seperti kemampuan infrastruktur (kandang ternakan serta peralatan yang berkaitan dengan projek-projek ternakan), Jawatankuasa Pemilihan di peringkat negeri akan membuat semakan dan untuk kelulusan bantuan.

Daerah dungun mempunyai 413 unit vessel berlesen yang terdiri daripada Enjin Sangkut 458 unit dan Enjin Dalam 155 unit. Daripada keseluruhan vessel yang berlesen ini telah memberi peluang pekerjaan kepada 606 orang yang terdiri 570 orang merupakan krew tempatan dan 36 orang merupakan krew asing iaitu warganegara Thailand.

Pendaratan perikanan tangkapan Daerah Dungun mencatatkan sebanyak 5,905.53 tan metrik ikan bagi tahun 2016 dengan nilai RM72,030,161.88. Aktiviti akuakultur di Daerah Dungun melibatkan keluasan 45,965 hektar dengan sumbangan pengeluaran ikan makan sebanyak 338.89 tan metrik dan pengeluaran ikan hiasan sebanyak 15,990 ekor bagi tahun 2016 dengan nilai keseluruhan RM8,256,041.95.